



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**19 OGOS 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,583 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **113,929 kes**. Sebanyak 11 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu empat (4) kes di Tawau, tiga (3) kes di Kota Kinabalu, dua (2) kes di Keningau dan masing-masing satu (1) kes di Ranau dan Tuaran. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 2,057 menjadikan jumlah kumulatif 93,223 orang. Seramai 5,067 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,251 orang di hospital, 3,793 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 14 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala sembilan (9) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 158 orang dan 68 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

## Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (2,583) kes iaitu peningkatan (170) kes berbanding (2,413) kes yang dicatatkan semalam (18 Ogos 2021).
- b. Sepertimana yang dimaklumkan semalam (18 Ogos 2021) jumlah kes harian akan kekal tinggi untuk beberapa hari sehingga JKNS kosongkan (*clear away*) semua keputusan kes-kes yg tertunggak (*backlog*), iaitu kes-kes yang didaftar lewat. Kes '*backlog*' adalah keputusan kes positif yang didaftar melebihi 5 hari setelah keputusan saringan diketahui.
- c. Hari ini (289) kes atau 11.2% daripada (2,583) kes baharu adalah kes-kes yang didaftar lewat (*backlog*), antaranya (188) kes di daerah Kota Kinabalu, (58) kes bagi daerah Penampang dan (40) kes di daerah Putatan.
- d. Kes baharu di Daerah Kota Kinabalu menurun (-119) kes hari ini tetapi kekal sebagai daerah dengan kes tertinggi di Sabah iaitu (475) kes. Penampang mencatatkan (302) kes baharu, penambahan (+125) kes berbanding semalam, Tawau 240 (-108) kes, Sandakan 170 (+20) kes, Tuaran 163 (-11) kes, Sipitang 136 (+54) kes, Keningau 125 (-28) kes, Lahad Datu 121 (-4) kes, Papar 118 (+43) kes, Putatan 114 (+72) kes, Beluran 71 (+48) kes, Kota Belud 69 (-12) kes, Kota Marudu 59 (+31) kes, Kunak 50 (+30) kes dan Tenom 48 (-34) kes.
- e. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang terbesar kepada keseluruhan kes di Sabah iaitu (1,503) kes atau 58.19%, Saringan Bergejala (686) kes atau 26.56% dan (123) kes atau 4.76% adalah daripada kluster-kluster sedia ada.
- f. Sejumlah (37) kes hari ini melibatkan individu dalam tahanan (OKT).
- g. Kategori 2 pesakit kekal kumpulan terbesar dengan (1,449) kes atau 56.1%, Kategori 1, (1,045) kes atau 40.5%, Kategori 3, (22) kes, Kategori 4, tiga (3) kes dan Kategori 5, lima (5) kes.

- h. Semalam (18 Ogos 2021) JKNS mencatat satu rekod baharu dalam keupayaan mereka memberi (*administer*) vaksin dengan 62,365 dos sehari. Setakat semalam, 48.4% penduduk dewasa negeri Sabah telah pun memperolehi satu dos vaksin dan 25.8% penduduk melengkapkan dua dos.
- i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,503) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	123	4.76%
2	Bergejala	686	26.56%
3	Kontak	1,503	58.19%
4	Bersasar	122	4.72%
5	Lain-lain	149	5.77%
<b>JUMLAH</b>		<b>2,583</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (18 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 18/08/2021</b>	<b>Catatan Kes 19/08/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Penampang	177	302	+125
2	Putatan	42	114	+72
3	Sipitang	82	136	+54
4	Beluran	23	71	+48
5	Papar	75	118	+43
6	Kota Marudu	28	59	+31
7	Kunak	20	50	+30
8	Kudat	13	34	+21
9	Sandakan	150	170	+20
10	Nabawan	9	27	+18
11	Telupid	18	32	+14
12	Kuala Penyu	6	20	+14
13	Pitas	22	32	+10
14	Beaufort	46	52	+6
15	Tongod	20	25	+5
16	Kinabatangan	36	40	+4
17	Ranau	16	19	+3
18	Tambunan	5	7	+2
19	Kota Kinabalu	594	475	-119
20	Tawau	348	240	-108
21	Tenom	82	48	-34
22	Kalabakan	47	17	-30
23	Keningau	153	125	-28
24	Kota Belud	81	69	-12
25	Tuaran	174	163	-11
26	Lahad Datu	125	121	-4
27	Semporna	21	17	-4
<b>JUMLAH</b>		<b>2,413</b>	<b>2,583</b>	<b>+170</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (05 Ogos - 18 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	255	165	9	46	475	5,246
Penampang	2	177	109	0	14	302	2,294
Tawau	0	140	84	4	12	240	2,905
Sandakan	13	69	67	0	21	170	1,784
Tuaran	0	124	31	2	6	163	1,734
Sipitang	1	46	3	85	1	136	620
Keningau	0	95	17	0	13	125	1,268
Lahad Datu	53	37	21	0	10	121	604
Papar	0	92	22	0	4	118	1,000
Putatan	0	69	42	1	2	114	594
Beluran	0	46	5	20	0	71	586
Kota Belud	1	49	19	0	0	69	857
Kota Marudu	0	48	6	0	5	59	324
Beaufort	0	40	10	0	2	52	603
Kunak	0	14	36	0	0	50	200
Tenom	39	9	0	0	0	48	399
Kinabatangan	3	26	10	0	1	40	542
Kudat	2	27	4	0	1	34	169
Pitas	0	26	4	0	2	32	166
Telupid	0	24	5	0	3	32	417
Nabawan	0	27	0	0	0	27	111
Tongod	9	16	0	0	0	25	254
Kuala Penyu	0	16	3	0	1	20	103
Ranau	0	10	6	0	3	19	291
Kalabakan	0	6	10	1	0	17	310
Semporna	0	8	7	0	2	17	123
Tambunan	0	7	0	0	0	7	152
<b>JUMLAH</b>	<b>123</b>	<b>1503</b>	<b>686</b>	<b>122</b>	<b>149</b>	<b>2,583</b>	<b>23,656</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kudat	Kluster Jeti Kudat	2
Penampang	Kluster Donggongan	2
Sipitang	Kluster Kampung Melamam	1
Tenom	Kluster Sibulu	39
Kota Belud	Kluster Tempasuk Kota Belud	1
Sandakan	Kluster Lebu Empat	13
Lahad Datu	Kluster Sawit Baiduri	52
	Kluster Cenderawasih	1
Tongod	Kluster Jalan Corak	9
Kinabatangan	Kluster Tangkuyan	3
<b>JUMLAH</b>		<b>123</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,705 unit

- Hospital 1,353 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,680 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 75.44%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 19 OGOS 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	2,527
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	19
Orang Dalam Tahanan /Banduan	37
<b>Jumlah</b>	<b>2,583</b>

<b>Import B (Jangkitan Luar Sabah)</b>	
Selangor	9
Pahang	1
WP Kuala Lumpur	6
Johor	1
Melaka	1
Kelantan	1
<b>Jumlah</b>	<b>19</b>

### ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	2,179
Bukan Malaysia	404
<b>Jumlah</b>	<b>2,583</b>

### iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin	655
Belum Menerima Vaksin	1,054
Menerima 1 Dos	532
Lengkap 2 Dos	342
<b>Jumlah</b>	<b>2,583</b>

### iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	28
1 to 5	180
6 to 17	447
18 to 59	1,740
>60	188
<b>Jumlah</b>	<b>2,583</b>



### C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 19 Ogos 2021)
1	Tawau	30
2	Kota Kinabalu	20
3	Tuaran	12
4	Penampang	6
5	Kota Belud	5
6	Sipitang	5
7	Ranau	4
8	Beluran	3
9	Kota Marudu	3
10	Papar	3
11	Beaufort	2
12	Keningau	2
13	Kinabatangan	2
14	Kudat	2
15	Putatan	2
16	Tenom	2
17	Nabawan	1
18	Tambunan	1
19	Telupid	1
20	Tongod	1
<b>JUMLAH</b>		<b>107</b>

### D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Dua lokaliti di Telupid <ul style="list-style-type: none"><li>• Kg Gambaron 1</li><li>• Ladang Ribu Bonus</li></ul>	21 Ogos 2021	03 September 2021

2.	Dua perumahan ladang di Beluran <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perumahan Ladang Cepat Wawasan 7000</li> <li>• Perumahan Ladang Meridian Paitan</li> </ul>	21 Ogos 2021	03 September 2021
----	---	--------------	-------------------

## E PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Dua (2) lokaliti di Tawau, Sabah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Baru Pasir Putih</li> <li>• Kampung Wallace Bay</li> <li>Pulau Sebatik</li> </ul>	20 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 21 Ogos 2021 sehingga 03 September 2021

## F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Perumahan Kilang Sawit Veetar Tongod	7 Ogos 2021	Ditamatkan pada 20 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan

## **G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **24,205** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,319,080 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **31,603** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 664,900 orang.

## **H BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **437,240** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 160 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 31,721 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 220 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 70 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 18 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Dua (2) Orang : Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - Dua (2) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
  - Tiga (3) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - 10 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
  - Satu (1) Orang : Lain-lain Kesalahan Tidak Tersenarai

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 79 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 31 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,042 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii Sebanyak satu (1) notis/amaran telah dikeluarkan di daerah Putatan.
  - iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 371 premis perniagaan dan 835 individu di 18 kawasan. Lapan (8) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan tidak memakai pelitup muka / tidak memakai pelitup muka dengan betul di F2 Motor, Pekan Menggatal (1 Orang), di Canteen Naga Emas, Pekan Menggatal (1 Orang), di Pekan Menggatal (1 Orang). Kesalahan Individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Kedai Ilham, Pekan Menggatal (1 Orang), di Kedai Emas Victori, Pekan Menggatal (1 Orang), di Canteen Naga Emas, Pekan Menggatal (1 Orang). Kesalahan keluar rumah tanpa tujuan yang dibenarkan di Pekan Menggatal (2 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 323 Premis Perniagaan melibatkan 194 anggota APM. Sebanyak lima (5) Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 161 anggota di 202 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 30 premis, melibatkan 15 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 219 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 13 daerah pada hari ini.

- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 110 hebahan di seluruh Sabah.

**J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.1%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Semporna	96%
2	Kunak	96%
3	Tenom	95.5%
4	Kota Marudu	95.5%
5	Ranau	95.5%
6	Kudat	95.5%
7	Keningau	95%
8	Beaufort	95%
9	Lahad Datu	95%
10	Sipitang	95%
11	Tuaran	95%
12	Kota Belud	95%
13	Papar	95%
14	Beluran	95%
15	Kinabatangan	95%
16	Tawau	94.5%
17	Penampang	94%
18	Kota Kinabalu	94%
19	Sandakan	94%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**